

Oleh LAUPA JUNUS
laupa.junus@mediamulla.com.my

UPM jual 9,999 nombor pendaftaran kenderaan khas

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) melancarkan penjualan nombor pendaftaran khas kenderaan dengan tawaran sebanyak 9,999 nombor untuk dibida dalam tempoh tiga tahun. Tawaran bermula UPM 1 hingga UPM 9999.

Pembukaan bidaan tersebut yang bermula pukul 12 tengah hari semalam adalah satu inisiatif mempelbagaikan penjaan pendapatan universiti berkenaan dengan sasaran jualan sebanyak RM14 juta.

Dengan slogan *Bida, Beli dan Berbakti* sasaran pembeli terdiri daripada alumni, staf dan pelajar universiti berkenaan selain individu dan organisasi luar sebagai satu cara menambah dana endowmen yang dapat membantu kelangsungan pendapatan untuk menampung perbelanjaan operasinya.

Harga bidaan bermula minimum RM1,000 bagi kategori bukan korporat manakala RM150,000 ditawarkan kepada korporat dan mereka yang dikategorikan sebagai kenamaan khas.

Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, **Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail** berkata, inisiatif tersebut bertujuan memberi peluang kepada mereka yang ingin menyumbang kepada dana endowmen universiti bukan sahaja alumni dan staf serta pelajar tetapi juga orang perseorangan dan syarikat.

"Saya percaya dengan komitmen yang diberikan, tidak mustahil projek ini mampu menyumbang kepada pendapatan UPM sekurang-kurangnya RM1.1 juta dalam jangka masa terdekat," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan sempena pelancaran penjualan nombor pendaftaran khas UPM di Serdang semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd. Roslan Sulaiman dan Pengerusi Jawatankuasa Induk Nombor Pendaftaran Khas UPM Datuk Zulkifli Othman.

Syed Razlan yang juga bekas Presiden Persatuan Alumni UPM berkata, beliau



DR. Mohd Roslan Sulaiman menunjukkan bidaan nombor pendaftaran kenderaan khas pada monitor kepada Syed Razlan Syed Putra Jamalullail selepas majlis pelancaran penjualan nombor pendaftaran khas UPM di Serdang semalam

PUTRA Bid

PUTRA Bid | Laman Utama | Mengenai Kami | Kategori Harga | Pendaftaran Lain | Slogan & Logo | Hubungi Kami | Login

BIDAAN NOMBOR PENDAFTARAN KHAS 'UPM'

DIBUKA PADA
7 OKTOBER 2020
MULAI
JAM 12:00 TENGAHARI.

[KLIK DISINI]

00:00:00

Dewan Privasi - Pendaftaran

BIDA • BELI • BERBAKTI

SEKILAS PENJAJAN PENDAFTARAN, PERKHIDMATAN BINAUSAHA, CANSOLOR, PUTRA, ANAS 2 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, 41000 UPM SERDANG, SELANGOR.
PEMBERI KHIDMAT PELANGGAN: 03-8933 7228 | PERTANYAAN: 03-8933 1300 | 03-8933 5207 (EMEL) | BAHASADUPM@UPM

PAPARAN antara muka laman web Putra Bid.

berharap persatuan tersebut yang mempunyai rasa kecintaan mendalam terhadap universiti sewajarnya menjadi pemegang taruh untuk menyokong sebarang inisiatif daripada UPM.

Sementara itu, **Dr. Mohd Roslan** berkata, inisiatif tersebut adalah hasil kerjasama pelbagai pihak khususnya Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang memberi kelulusan untuk melaksanakan penjualan nombor

pendaftaran khas dengan prefiks/awalan UPM, bermula pada tahun ini.

Beliau berkata, bagi sesi bidaan kali ni, UPM akan melancarkan semua kategori

nombor kecuali nombor tunggal.

Nombor tunggal ini akan disimpan kepada pembida istimewa dalam kalangan ahli korporat dan para alumni universiti.

"Dengan harga minimum RM1,000, anda boleh mendapatkan nombor pilihan dengan awalan (prefix) UPM secara bidaan melalui sistem PUTRA Bid," katanya.

Bagi kakitangan UPM, pihaknya sedang berusaha menyediakan platform khas kepada mereka yang berhajat mendapatkan nombor pendaftaran tersebut dengan memperkenalkan skim potongan gaji secara bulanan.

Katanya, kaedah pelaksanaan akan dimaklumkan dalam masa terdekat melalui Info UPM.

KATEGORI	HARGA
Superplatinum	RM100,000 hingga RM150,000
Platinum	RM25,000 hingga 75,000
Emas	RM10,000 hingga RM15,000
Perak	RM3,000 hingga RM7,000
Gangsa	RM1,000

CARA MEMBIDA

- 1 Layari www.putra-bid.upm.edu.my
- 2 Pendaftaran
- 3 Cari nombor pilihan
- 4 Bida nombor pilihan
- 5 Bayar yuran bidaan dan wang pendahuluan 50 %
- 6 Tunggu tujuh hari
- 7 Semak kedudukan
- 8 Keputusan bidaan selepas tujuh hari
- 9 Bayar baki bidaan
- 10 Ambil sijil pendaftaran daripada urus setia